

MALIK BENNABI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PERADABAN ALTERNATIF BAGI DUNIA KETIGA

Oleh:
Moh. Nurhakim*

Abstract

Malik Bennabi observes that contemporary challenge for the Muslims is due to the civilizational problem. The main causes are lacking of idea among Muslims from one hand and colonialism from other nations from the other hand. This article will focus on Bennabi's efforts in reformating Islamic Civilization's structure which concentrates on the rise of human cultural aspect. He recommends for carrying some "Cultural Project" or adopting an "alternative civilizational strategy" especially for the third world.

Pengenalan

Malik Bennabi adalah ilmuwan Islam kelahiran Aljazair yang cukup terkenal sebagai pemikir bagi kurun ke-20. Sekiranya pada kurun ke-15 umat Islam dapat berbangga dengan kecemerlangan Ibn Khaldūn yang juga dari kelahiran Afrika Utara, tentang perbincangan sejarah, sosiologi dan peradaban, maka pada sekitar awal kurun ke-20 Malik Bennabi telah mendahului ilmuwan lain dengan pemikiran-pemikiran yang diperlukan oleh dunia dan masyarakat Islam yang rata-rata berada di kedudukan dunia ketiga dan tertinggal jauh dari lain-lain bangsa.

* Moh. Nurhakim, M.A. adalah Pensyarah di Jabatan Pemikiran dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universitas Muhammadiyah Malang (UMM), Indonesia.

Salah satu tema pokok pemikiran Bennabi ialah tuntutan untuk membangun kesedaran peradaban Islam sebagai strategi kebangkitan umat Islam. Di samping itu, pendekatan sejarah dan sosiologi yang ditawarkan sangat bermanfaat bagi pengembangan pengajian kontemporari yang berasaskan ilmu-ilmu sosial yang sampai hari ini masih cukup penting di kalangan Muslimin.

Sayang sekali pemikiran dan pendekatan pengajian yang dikemukakan masih belum banyak dikenali, termasuk di kalangan ahli akademik. Hal ini disebabkan oleh belum tersebarnya tradisi keilmuan serupa yang ditawarkan di kalangan Muslimin. Di sudut lain, hampir seluruh karya-karyanya ditulis dalam bahasa Perancis manakala terjemahannya ke dalam bahasa Arab belum sepenuhnya berlaku dan hanya dilakukan kebelakangan ini. Bahkan, di kalangan masyarakat Melayu di Indonesia dan Malaysia belum lagi meluas.

Biografi Malik Bennabi

Malik Bennabi lahir pada tahun 1905 di Kota Constantine, Aljazair Timur. Beliau berasal dari keluarga Muslim imigran dan ibunya dari wilayah Tripoli-Libya. Beliau menghabiskan zaman kanak-kanak hingga remaja di Tabessa, sebuah kota yang pada saat itu sedang tumbuh kesedaran bagi masyarakatnya terhadap membina rancangan masa depan. Sementara ayahnya hanyalah tamat dari Sekolah Menengah bernama *Al-Madrasah al-Rasmiyyah* dan bekerja di Mixid Commune Local.¹

Bennabi banyak memperolehi pendidikan awal daripada neneknya melalui beberapa cerita rakyat misalnya tentang bagaimana membangun sebuah karakter Muslim, dan bagaimana seharusnya menghadapi tentangan hidup. Pendidikan agama diperolehi dari

¹ Fawzia Bariun (1988), *Malik Bennabi Sosiolog Muslim Masa Kini*. Indonesia: Pustaka Bandung, h. 20.

kuttāb yang membuatnya lebih menyukai kisah-kisah sahabat dan tokoh-tokoh Muslim. Pendidikan formal beliau bermula di Sekolah Dasar Perancis, sebuah sekolah yang didirikan oleh penjajah Perancis di Aljazair. Meskipun merupakan murid pintar yang sering mendapat juara kelas, beliau tidak pernah memperolehi biasiswa dan hanya ketika lulus beliau diberikan biasiswa selama dua tahun untuk mengikuti kursus persiapan pengajian pada sekolah lanjutan El-Djellis di Constantine. Pada tahun 1921, beliau memulakan pengajian dan di sinilah beliau memanfaatkan semaksima mungkin untuk mempelajari ilmu-ilmu moden Perancis. Beliau menyukai buku-buku psikologi, filsafat rasional dan reformas. Pada tahun 1930, beliau melanjutkan pengajian ke Perancis. Setelah gagal memasuki Sekolah Bahasa-bahasa Timur, beliau memasuki institut teknik untuk mendalami Sains. Beliau sedar bahawa Eropah maju kerana penguasaan terhadap sains manakala masyarakat Muslim terbelakang kerana tidak menguasainya. Meskipun mempelajari ilmu sains, namun beliau tetap mendalami ilmu sosial, filsafat, peradaban, sastera dan agama.²

Format intelektual Bennabi dipengaruhi oleh karya-karya Muḥammad Abduh, Rasyīd Riḍha dan Ibn Khaldūn. Kekayaan masa lalu masyarakat Muslim membuatkan dirinya benar-benar menyedari problem-problem kehidupan sosial dan kemiskinan intelektual masyarakat Muslim yang menyedihkan. Di antara karya-karya lain yang amat berkesan dalam dirinya ialah karya Isabella Eberhardt, L.Ombre Chaudé *De l'islam* dan karya Eugen Jung *L'islam Entre La Balaine et l'ours*. Tetapi, karya Kawakibi *Om-um-Qura*, benar-benar mempunyai pengaruh Bennabi dan rakan-rakannya. Karya-karya ini menghuraikan kedudukan Islam yang sudah mengorganisasikan dirinya untuk pertahanan dan perubahan. Selama tahun terakhir di madrasah, beliau “menjumpai” karya Ibn Khaldūn dan Condillac, ahli falsafah abad ke-18 dan pengasas mazhab psikologi Perancis. Condillac benar-benar memikat dirinya

² *Ibid.*

mengarahkan fikiran, gagasan dan keinginannya ke arah sesebuah matlamat.³

Pengaruh lain yang sentiasa mengarahkan orientasi pemikiran Bennabi datang dari teman lamanya, Hammuda bin Sa'i, seorang mahasiswa filsafat yang berkemampuan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dengan pendekatan sosiologi dalam memahami masyarakat Islam saat ini. Persahabatan dan kerjasama yang berterusan menumbuhkan perhatiannya pada bidang filsafat, sosiologi dan sejarah yang kesemua itu menjadi landasan kerangka analisisnya sebagai penulis masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia Islam. Pengalaman perjuangan atas nasib negara-negara Islam dan pergaulan intelektualnya sebagai modal untuk menyelesaikan peradaban Islam masa depan yang beliau cita-citakan. Hal itu Bennabi buktikan ketika beliau harus meninggalkan negerinya menuju ke Perancis (kurang lebih 30 tahun), lalu ia hidup di Mesir, negeri yang pada tanggapan beliau lebih tepat untuk mengembangkan cita-citanya kerana negeri itu dekat secara ideologi berbanding Aljazair. Kemudian Bennabi kembali ke negerinya, dan di sanalah beliau mendapat berbagai tentangan berat dari penguasa yang mementingkan kedudukan. Keadaan ini dihadapinya hingga beliau mengakhiri hayatnya pada 1973 di kota Algiers, ibu kota Aljazair.⁴

Sekitar tahun 1931, beliau mengahwini seorang wanita Perancis. Isterinya sentiasa memberikan dorongan moral dan material yang amat baik dalam perjuangannya, bahkan turut serta membantu suaminya dalam berfikir. Ia memberikan pandangan dari segi kemanusiaan dalam bentuk yang nyata.

Bennabi sesungguhnya adalah seorang jurutera elektrik. Beliau tinggal di Eropah lebih dari 30 tahun. Pengetahuannya sangat

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

mendalam mengenai budaya dan peradaban Barat. Keahlian ilmunya di dalam bidang sains yang dipadukan dengan pandangannya di bidang sosial, sejarah dan filsafat yang luas memberikannya peluang mengaitkan keadaan sosial Muslim dari sudut dalaman dan penjajahan sebagai faktor luaran terhadap ketinggalan dan kemunduran masyarakat Islam masa kini.

Karya-karya Utama Bennabi

Sebagai seorang tokoh pembaharuan pemikiran Islam, Bennabi telah menghasilkan banyak dan pelbagai karya, antaranya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Antara karya-karya utamanya ialah:

(1) *Al-Zahiriyyāt al-Qur'āniyah* (Fenomenologi al-Qur'ān)

Buku ini telah diterbitkan pada 1946 yang membahaskan pandangan-pandangan Bennabi tentang tafsir klasik. Beliau memandang perlunya penglihatan dan pengembangan pemikiran dalam tafsir klasik agar dapat memecahkan krisis keyakinan kaum muda Muslim yang terdidik dalam pola berfikir rasional⁵. Mereka hendaknya diarahkan untuk kembali memberikan apresiasi terhadap Islam dengan format baru. Untuk itu, melalui tawaran metode tafsir ilmiah ini, generasi muda diharapkan kembali kepada keyakinannya atas ajaran al-Qur'ān dan sunnah dengan baik.

(2) *Musykilāt al-Afkār al-Ālam al-Islāmi* (Problem Pemikiran Dunia Islam)

Buku yang ditulis pada tahun 1970 ini membahas secara terperinci berbagai masalah utama pemikiran Islam di negara-negara Islam. Dalam karya ini, Bennabi berusaha membatasi lingkup

⁵ Malik Bennabi (t.t.), *Al-Zāhirah al-Qur'āniyyah*. Abdul Sabūr Syahin (terj.). Damsyik Syiria: Dār al-Fikr.

perbahasanya. Beliau bukan sahaja membahas kes masyarakat Muslim, bahkan menyentuh perbahasan isu-isu kemasyarakatan yang lain.

(3) *Syurūth al-Nahḍah* (Syarat-syarat Kebangkitan)

Buku yang ditulis pada tahun 1976 ini menjelaskan fakta-fakta terdapatnya perhatian khusus negara-negara Arab terhadap pengembangan ilmu-ilmu sosial. Di samping itu, buku ini memuatkan fakta-fakta sosial dan pengembangan teknologi, meskipun penulisnya sendiri mengakui belum dapat memberikan penjelasan yang lebih terperinci seperti yang diharapkan.

(4) *Fikrat al-Afriqiyāt al-Asiawiyāt fī Ḍau'i al-Mu'tamar Bandung* (Fikiran Asia Afrika dalam Konteks Persidangan Bandung)

Buku yang ditulis pada 1977 ini berusaha memberikan komen tentang beberapa makna Persidangan Asia Afrika di Bandung dari sisi peradaban manusia. Intinya, persidangan itu menjadi alat integrasi atau persatuan umat manusia yang meliputi perbezaan ideologi, agama, budaya, benua, serta latar belakang sosial. Bagi Bennabi, persidangan tersebut bukan peristiwa baru, tetapi suatu kontinuiti sejarah yang melampau batas-batas Asia-Afrika. Berdasarkan persidangan, buku ini menegaskan adanya Dunia Ketiga yang harus terbebas dari sebarang bentuk penjajahan serta intervensi baik kapitalisme Barat mahupun komunisme Rusia.

Adapun buku-buku Bennabi yang lain dapat disebutkan secara ringkas sebagai berikut: (5) *Labbaika*, Damsyik, Dār al-Fikr, 1984; menjelaskan tentang selok-belok ibadah Haji. (6) *Āfāq Jazāiriyyah*, Damsyik, Dār al-Fikr, (t.t.) mengandungi komen-komen tentang akhbar di Aljazair. (7) *Hadits al-Bana' al-Jahid*, Damsyik, al-Fikr, (t.t.) mengandungi berbagai gejala dunia baru. (8) *Musykilāt al-Ḥaḍārah*, Damsyik, Dār al-Fikr, 1978; mengandungi sebab keterbelakangan umat Islam seperti kebodohan dan kemiskinan. (9) *Musykilāt al-Mafhūmiyyah*, Damsyik, Dār al-Fikr, 1979; memuat

berbagai problem pemahaman keagamaan. (10) *Wijhat al-'Ālam al-Islāmi*, Damsyik, Dār al-Fikr, 1981; menjelaskan berbagai kondisi Dunia Islam yang tidak memiliki pengetahuan yang mencukupi dan diperlukan untuk bangkit dan membangun seperti sebelumnya.⁶

Dari beberapa karya di atas dapat diketahui bahawa tema-tema pokok pemikiran Bennabi berkisar pada masalah-masalah perspektif baru pemahaman agama, masalah dunia Islam dan alternatif penyelesaiannya, perubahan-perubahan sosial dan sebuah asas ke arah membangun kembali peradaban Islam.

Paradigma Peradaban Alternatif

Pemikiran Bennabi dibangun atas keprihatinan yang mendalam terhadap dua peradaban yang berbeza. Dunia Islam dengan umatnya yang terbelakang dan pelbagai kelemahan sehingga memungkinkan dijajah oleh bangsa lain.⁷ Sementara itu, Barat maju dan moden sehingga mampu menjajah. Dalam batas-batas tertentu, Bennabi kagum terhadap bangsa Barat yang berjaya menguasai sains dan kerana itu mereka maju lalu menguasai dunia. Menurut hasil kajiannya, umat Islam terbelakang dan terjajah kerana mengalami kondisi yang menurutnya 'layak dijajah'. Kondisi itu berkaitan erat dengan aspek kesedaran manusia atau dalam kata lain menurut Bennabi kesedaran peradabannya. Namun, kekaguman terhadap peradaban Barat tidak membuatnya bersikap Barat. Justeru beliau dianggap sebagai seorang yang asli (*indigenous*) dalam memihak sejarah dan budaya Islam sendiri⁸. Sikap ini juga yang kemudian membentuk paradigma berfikir.

⁶ Malik Bennabi (1981), *Wijhat al-'Ālam al-Islāmi*. Damsyik Syiria: Dār al-Fikr, hh. 5-10.

⁷ Malik Bennabi (1979), *Syurūt al-Nahḍah*. Damsyik Syiria: Dār al-Fikr, h. 50.

⁸ Perbandingan dengan Malik Bennabi (1984), *Musykilāt al-Tsaqāfah*. Damsyik Syiria: Dār al-Fikr.

Bennabi menolak kesimpulan dan anggapan Barat bahawa dasar Islam harus ditentang. Beliau yakin bahawa kemunduran kaum Muslimin tidak harus dinisbahkan kepada Islam, tetapi aplikasi kepada para pengikutnya. Hal ini dibuktikan oleh Bennabi melalui berbagai karyanya bahawa kenyataan Islam mendorong akal dan penelitian, dan telah terbukti hal ini berhasil menggerakkan pengikutnya mencipta peradaban yang besar. Peradaban itu telah menyumbangkan benih-benih yang kemudian dikembangkan oleh kebudayaan lain sehingga menghasilkan tingkat kemajuan manusia yang paling tinggi di Eropah.⁹

Selanjutnya, untuk mengkaji persoalan peradaban Islam dan usaha membangunkannya kembali, Bennabi menggunakan pendekatan sejarah dan sosiologi di samping melakukan studi kritis terhadap al-Qur'ān. Dalam membangun teori peradaban Islam misalnya, Bennabi meminjam terlebih dahulu teori Ibn Khaldūn dan Arnold Toynbee. Dengan pendekatan ilmu-ilmu sosial moden ini, beliau menemukan penjelasan empirik tentang persoalan umat Islam yang sebenarnya yakni persoalan peradaban.

Kritik Terhadap Modernisme

Sikap kritis Bennabi terhadap Barat atau pengaruh-pengaruhnya ditunjukkan ketika beliau mengkritik usaha-usaha modenisme yang dipelopori oleh sejumlah tokoh seperti Sayyid Ahmad Khan, Kasim Amin, Ali Abdul Razik, Kamal Al-Tatturk, dan Soekarno.¹⁰ Bennabi memandang bahawa kebangkitan Islam yang mereka pelopori tidak berhasil kerana pemimpinnnya gagal

⁹ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*, h. 2.

¹⁰ Sayyid Ahmad Khan (India), Kasim Amin (Mesir), Ali Abdul Razik (Mesir) dan Kamal Al-Tatturk (Turki), dan Soekarno (Indonesia) adalah sebahagian daripada para tokoh modenisme di dunia Islam yang cenderung bersikap barat.

menciptakan respons yang tepat terhadap Barat. Adapun sebab-sebab kegagalan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut.¹¹

Pertama, ketidaksamaan tujuan. Usaha dan spekulasi para pemimpin Muslim sebelumnya bersifat serpihan dan tidak utuh. Para pemimpin gerakan-gerakan Islam ini tidak pernah merancang peradaban yang utuh sebagai objektif dan asas kepada usaha-usahanya. Akibatnya mereka tersungkur ke dalam kesalahan dan membuang waktu dan sasaran kerana mereka salah membaca sejarah dan melihat proses sosialnya. Ketidaksamaan usaha-usaha perbaikan umat Islam misalnya ditunjukkan pada sikap sekelompok tokoh modenisme yang yakin bahawa kebangkitan harus didasarkan pada pengukuhan kekuatan Islam kurun pertengahan. Sementara itu, sekelompok yang lain menggunakan gagasan, sistem dan barang-barang yang biasa ditemukan di Barat atau cenderung melakukan pembaratan (*westernization*) yang lebih memperluas dan memperteguhkan dominasi ke atas Islam dan umatnya.

Kedua, kegagalan mereka dalam memahami hakikat persoalan sosial dan menilai bahawa isu-isu itu lebih bersifat spiritual, budaya dan moral daripada sekadar material. Oleh itu, kelahiran kembali khususnya dalam kebudayaan merupakan satu-satunya cara yang efektif dalam mengubah kebiasaan mental yang sudah lama sekali menghalang kebangkitan kaum Muslimin. Bennabi sangat yakin bahawa kelemahan Muslimin bukan dalam barang-barang material tetapi sikap mental positif dan kreativiti. Kekayaan masyarakat tidak diukur oleh produk mereka tetapi oleh gagasan-gagasan asli mereka.

Ketiga, ketidaksamaan dalam menentukan metode pembaharuan media dan pendekatannya. Dalam proses perubahan masyarakat yang beku, para pembaharu dan tokoh modenisme gagal menentukan titik tolak mereka. Mereka berupaya mencapai tujuan-tujuan yang tidak jelas dengan hanya mengimport komoditi-komoditi

¹¹ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*

Barat. Dengan cara itu, mereka berharap dapat mengubah masyarakat. Tindakan seperti ini menunjukkan ketiadaan suatu pandangan tentang hakikat objektif hakiki yang penting bagi pembangunan yang diperlukan oleh kaum Muslimin.

Ketika menjelaskan aspek ini, Bennabi membandingkan antara dua strategi pembaharuan yang berbeza: Jepun dan Dunia Islam. Jepun berhasil mencapai kemajuan kerana strategi pembaharuannya jelas, tepat dan cerdas, iaitu mengutamakan kepada kebangkitan intelektual dan membangun peradaban mereka berdasarkan spesifikasi mereka sendiri dan tidak memandu kepada pembaratan budaya. Sedangkan Dunia Islam hanya menempatkan diri mereka sebagai konsumen dan pengimport yang pasif. Misalnya, Kamal Al-Tatturk berpendapat bahawa masyarakat dapat menjadi moden hanya melalui pembaratan, suatu teori yang menurut Bennabi terbukti salah dan gagal mencapai sasaran memajukan umat dan negara Islam seperti di awal Islam atau setanding yang dicapai oleh Jepun.¹²

Sebagai alternatif memecahkan persoalan ini, Bennabi mengajukan pandangan bahawa perubahan harus dimulai dari dalam jiwa individu untuk mentransformasikannya ke dalam diri seseorang. Transformasi seperti ini dapat memungkinkannya mengubah sifat-sifat primitifnya yang melekat pada dirinya ke dalam kecenderungan-kecenderungan sosial yang terkait dalam masyarakat. Dengan kata lain, mengubah manusia biologi menjadi entiti sosial. Bagi Bennabi, orang-orang yang berada pada “dunia tokoh” adalah alat penting dalam proses perubahan sosial dan peradaban. Dengan membandingkan antara “dunia material” dan “dunia idea” menunjukkan bahawa nilai yang terakhir lebih tinggi daripada yang pertama. Bagi Bennabi, secara sejarah terbukti bahawa ketika masyarakat memiliki keseimbangan idea, dengan mudah material dan komoditi dapat dicipta. Sebagai contoh, Jerman hancur oleh Perang

¹² *Ibid.*

Dunia Pertama. Infrastrukturnya benar-benar hancur dan masyarakatnya telah kehilangan “dunia material”. Namun, kerana mereka tetap mempertahankan “dunia idea”, maka mereka dapat mengeksploitasi budayanya sendiri untuk membangunkan kembali negara dan memulihkan posisinya yang terkemuka di Eropah moden.¹³

Dapat dibuat kesimpulan bahawa sikap kritis Bennabi terhadap pemikiran modenisme klasik seperti dijelaskan di atas membuktikan bahawa ia termasuk dalam kategori gerakan pembaharu (*mujaddid*).

Pendekatan Sejarah dan Sosiologi

Pendekatan sejarah dan sosiologi adalah dua elemen penting yang diketengahkan oleh Ibn Khaldūn dan Arnold Toynbee. Keduanya adalah ilmuwan yang paling berpengaruh dalam pemikiran dan pendekatan penglihatan Bennabi dalam bidang sejarah, sosiologi dan peradaban. Pengaruh Ibn Khaldūn misalnya nampak pada teori kitaran, teori *aṣābiyyah*, teori masyarakat organisme, dan teori kota-desa yang diadaptasikan dan dikembangkan Bennabi berasaskan tulisan Ibn Khaldūn yang sangat tersohor melalui bukunya *Muqaddimah*¹⁴.

Bagi Ibn Khaldūn, mempelajari sejarah dan mentafsirnya penting untuk menjelaskan perkembangan masyarakat manusia dalam ruang dan waktu. Ibn Khaldūn seperti diketahui menyarankan proses pemahaman dan pembelajaran sejarah yang benar adalah yang melahirkan manusia yang berkemampuan menqiaskan sejarah lalu dalam keadaan masa kini dan untuk masa akan datang.¹⁵

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Moh.Nurhakim (2001), *Neomodernisme dalam Islam*. Malang : UMM Press, hh. 172-173.

¹⁵ Ibn Khaldūn, ‘Abdul Rahmān (t.t.), *Al-Muqaddimah*. Kaherah: Dār al-Nahḍah, h. 301.

Sehubungan itu, Bennabi menggunakan pandangan ini untuk menganalisis kesimpulan-kesimpulan yang berkaitan dengan perkembangan sosial. Beliau memberikan perhatian pada kajian fenomena peradaban bukan sebagai rangkaian peristiwa yang tidak berkait dengan kita dan masa kini tetapi suatu fenomena dan analisis yang mengandungi hukum-hukum.

Bertolak dari teori kitaran Ibn Khaldūn,¹⁶ Bennabi berupaya menginterpretasikan sejarah Islam secara umum sejak Nabi Muhammad S.A.W. sehingga abad ke 14 sebagai kemunduran. Teori ini menjelaskan perkembangan tiga tangga (tahapan) peradaban Islam: Tangga Spiritual, Tanggan Rasional dan Tangga Naluri (bandingkan dengan teori kitaran Ibn Khaldūn: Masa Kelahiran, Masa Puncak dan Masa Keruntuhan suatu peradaban). Tangga Spiritual adalah masa di mana peradaban lahir kerana dorongan dan kawalan kuat dari kesedaran spiritual dan fungsi agama. Masa ini digambarkan mulai dari kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W. hingga akhir era Khalifah al-Rasyidīn. Sementara itu, Tangga Rasional dimaksudkan sebagai masa di mana peradaban mengalami puncak kejayaannya kerana akal memperoleh pencerahan dan dapat memainkan fungsinya secara maksima sehingga berhasil merangsang kemampuan dan kreativiti masyarakat. Masa ini dilalui oleh kekhilafahan Bani Umayyah. Sedangkan Tangga Naluri dimaksudkan ialah masa perkembangan Islam yang mengalami kelemahan dan kekacauan yang disebabkan oleh kerana naluri menjadi bebas, akal kehilangan fungsi sosialnya dan kerana manusia telah kehilangan asas keimanan pula.¹⁷ Masa ini masyarakat Islam melalui proses keruntuhan moral dan politik negara-negara umat Islam sebelum serangan Monggol ke atas Baghdad dan mengakhiri zaman kekuasaan Bani 'Abbas pada 656 H /1258 M dan diikuti

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*

kemudian dengan keruntuhan Khalifah Uthmāniyah 1341 H / 1924 M¹⁸.

Mengembangkan teori *aṣābiyyah* (fanatik kaum) Ibn Khaldūn melihat agama dalam perspektif sosio-sejarah, Bennabi berhasil menemukan fungsi sosial agama sebagai katalisator perkembangan peradaban. Baginya, agama menjadi prasyarat naiknya suatu peradaban; agama memberikan di samping waktu dan tanah, tanda berulang kitaran sesuatu peradaban. Hal ini merupakan kesimpulan daripada pengamatan terhadap fenomena dua peradaban Islam dan Kristian. Ia melihat prinsip-prinsip peradaban Barat dewasa ini didasarkan pada etika dan moral Kristian, dan kejayaan Islam pernah terjadi didasarkan pada semangat keagamaan itu sendiri. Akhirnya, Bennabi berkesimpulan bahwa suatu peradaban dilahirkan dua kali, pertama ketika gagasan keagamaan lahir dan kedua ketika gagasan itu tersemat di dalam jiwa dan masuk dalam peristiwa-peristiwa sejarah.¹⁹

Berdasarkan pendekatan sosio-sejarah, Bennabi menemukan konsep masyarakat organisme sebagaimana dikemukakan oleh Ibn Khaldūn bahwa individu dan masyarakat berkembang atau matang melalui tiga tangga atau masa yang bersifat peringkat kitaran berikut. *Pertama*, Masa Materi di mana individu hanya mengenal gejala-gejala peradaban fisik-material. *Kedua*, Masa Tokoh di mana individu telah mampu mengembangkan interaksi sosial dan emosional. *Ketiga*, Masa Idea di mana individu telah mampu membangun dunia idea.

Seterusnya, berdasarkan teori ini (kacamata individu), Bennabi mengklasifikasikan masyarakat manusia ke dalam tiga kategori yang bergantung kepada tingkat perkembangan mereka.

¹⁸ Moh. Nurhakim (2004), *Sejarah dan Peradaban Islam*. Malang: UMM Press, hh. 95 - 100.

¹⁹ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*, h. 88.

Pertama, masyarakat pra peradaban, seperti masyarakat pra Islam (Jahiliyah) yang hanya mampu menangkap kebenaran yang berbentuk kebendaan (material) misalnya berhala. *Kedua*, masyarakat berperadaban seperti masyarakat di zaman Rasulullah S.A.W. yang mengembangkan “dunia tokoh” dan “dunia idea” berdasarkan kaedah persaudaraan (seperti Muhājirīn dan Anṣār) serta interaksi sosial berjalan. *Ketiga*, masyarakat pasca peradaban seperti keadaan kemunduran kekhilafahan Islam (Bani ‘Abbas) akibat kebekuan gagasan, di mana dunia material sangat menonjol dan mendominasi dunia idea mahupun dunia tokoh.²⁰

Mengenai pendekatan sejarah dan sosiologi, di samping mendapat pengaruh daripada Ibn Khaldūn, Bennabi juga mendapat pengaruh besar daripada sejarawan Inggeris Arnold Toynbee. Sebagai contoh, pandangannya tentang fungsi agama sebagai asas peradaban. Dari sinilah pemikiran dan pendekatan sosio-sejarah Bennabi dikembangkan. Berbeza dengan Toynbee yang hanya mengajukan persoalan-persoalan falsafah dan menawarkan penjelasan-penjelasan spekulasi, Bennabi sebagai seorang pemikir Muslim yang terjajah yang sedar akan tanggungjawab moral. Maka, beliau menggunakan pendekatan sosio-sejarah untuk mencari hukum-hukum peradaban dengan mendukung metode-metode yang tepat bagi masyarakat untuk membangunkan kembali peradabannya. Seterusnya untuk kepentingan praktikal ini, Bennabi membandingkan di antara peradaban Islam dengan peradaban Barat yang sebenarnya dibangunkan atas kesedaran agama. Dalam erti kata lain, Bennabi membataskan unit analisisnya kepada variabel masyarakat yang berasaskan kesedaran keagamaan. Hal ini untuk mengelakkan kecenderungan generasi yang salah. Dalam kerangka ini pula, Bennabi menolak pendekatan konflik abadi Hegel yang baginya hanya relevan untuk bidang biologi dan sedikit relevan untuk bidang sosial. Ini kerana baginya perkembangan sosial juga dipengaruhi oleh faktor-faktor psiko-temporal baik pada tingkat

²⁰*Ibid.*, h. 89.

individu maupun sosial. Untuk itu, Bennabi memperkuat dengan ayat-ayat al-Qur'ān bahwa manusia sendirilah yang mengubah keadaan dirinya seperti maksud Firman Allah.

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri; dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia"²¹.

"(siksaan) yang demikian itu adalah Karena Sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan meubah sesuatu nikmat yang Telah dianugerahkan-Nya kepada suatu kaum, hingga kaum itu meubah apa-apa yang ada pada diri mereka sendiri, dan sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui"²².

Ungkapan al-Qur'ān ini menjelaskan dua konsep yang mendasar pemikiran Bennabi. *Pertama*, keyakinannya terhadap unsur-unsur metafisik yang berperanan dalam perubahan di semua tingkat: individu, sosial dan sejarah. *Kedua*, adanya kemungkinan membangun kembali suatu peradaban melalui perubahan dalaman dengan memanfaatkan asas kemanusiaan dan material. Dengan demikian, ditinjau secara metodologi bahawa ketika Bennabi melakukan analisis sosial didasarkan kepada semangat al-Qur'ān, maka ia sebenarnya telah menyempurnakan pendekatan sosio-sejarah dengan kebenaran wahyu secara bersama. Keadaan ini jelas tidak dilakukan oleh Toynbee dan berbeza secara umumnya dengan ilmuan sosial lain.

²¹ Surah Al-Ra'du (13): 11.

²² Surah Al-Anfāl (8): 53.

Untuk melengkapi pendekatan di atas, Bennabi menggunakan juga pendekatan fungsional untuk menginterpretasikan peranan yang dimainkan oleh agama dalam perubahan sosial. Dalam hal ini, beliau berada pada posisi yang jauh melampaui pengamatan Ibn Khaldūn mahu pun Toynbee. Beliau melihat agama Islam merupakan bahagian penting yang aktif dalam suatu sistem sosial yang kompleks, ia bukan hanya berfungsi sebagai pengimbang bagi kaum Muslimin tetapi memberi mereka inspirasi dan motivasi.

Strategi Peradaban Alternatif

Inti daripada pemikiran Bennabi terletak pada usaha membangun kembali peradaban dan kebudayaan Islam yang sesuai dengan masyarakatnya serta masa depannya. Pemikiran ini muncul kerana menurut hasil pengamatan serta pengalaman hidupnya, persoalan pokok kaum Muslimin di saat itu adalah masalah peradaban dan budaya. Sementara itu, usaha-usaha pembaharuan yang ada baginya telah mengalami kegagalan kerana salah menganalisis persoalan umat dan memberi penyelesaian asas. Sebelum menjelaskan hal ini, ada baiknya sedikit dikemukakan pengertian dan teori-teori tentang peradaban dan budaya menurut Bennabi sendiri.

Bagi Bennabi peradaban adalah “keseluruhan aspek moral dan material yang menjadikan masyarakat memberikan semua layanan sosial yang diperlukan bagi setiap penganutnya untuk kemajuan”. Definisi ini bukan sahaja melihat peradaban secara material tetapi juga bukan material; tidak hanya kemajuan teknik dan ekonomi, tetapi juga perkembangan moral dan bahkan yang terakhir ini menjadi lebih ditekankan. Peradaban merupakan unsur-unsur yang dinamik, integral dan konkrit. Lebih jauh, Bennabi menganggap peradaban “sebagai hasil suatu gagasan dinamik yang hidup yang memobilisasi masyarakat pra peradaban untuk masuk ke dalam sejarah dan membentuk sistem gagasan sesuai dengan pola-polanya. Kemudian, masyarakat mengembangkan suatu lingkungan budaya

yang asas dan terpenting yang ada pada gilirannya, mengawal semua peranan yang membezakan masyarakat tersebut daripada budaya-budaya dan peradaban-peradaban lainnya.”²³

Berasaskan definisi di atas, Bennabi membangunkan suatu teori peradaban yang menyangkal teori moden Dunia Islam sebagaimana umum dikembangkan oleh kelompok tokoh modenisme awal yang cenderung mengimport atau mengenegahkan peradaban lain secara membabi buta. Beliau mengejutkan teori tentang faktor-faktor bukan material dalam peradaban yang mampu mempengaruhi suatu perubahan masyarakat iaitu faktor psiko-temporal, gagasan-gagasan keutamaan semangat, nilai-nilai serta makna-makna yang tidak terungkap. Dengan teori ini, Bennabi menilai kegagalan masyarakat Dunia Ketiga termasuk kaum Muslimin dalam proses perubahannya bukan kerana kemiskinan material tetapi kerana kemiskinan gagasan. Setelah mereka memperoleh kemerdekaan politik dari kolonialisme, mereka langsung mengembangkan “peradaban kebendaan”, mengimport dan menerapkan produk-produk kebendaan negara-negara maju tanpa memperhatikan aspek pengembangan gagasan.²⁴

Untuk membangunkan kesedaran akan peradaban Islam yang lebih ideal pada masa depan, Bennabi mengusulkan seperti berikut. *Pertama*, merumuskan persoalan utama masalah peradaban Islam iaitu kemiskinan gagasan. *Kedua*, mengetahui kedudukan umat Islam dalam konteks kitaran sejarah. Dalam hal ini, perlu diketahui secara tepat di mana posisi umat Islam sekarang dan bagaimana menghubungkan pemikiran dan tindakan sesuai dengan realiti sosio-sejarah. *Ketiga*, merumuskan kembali jatidiri manusia dan meletakkannya ke dalam posisi sentral. Untuk itu, perlu usaha untuk mengimbangkan ketiga-tiga unsur manusia: *'aql*, *amal* dan *material* (akal, kerja dan harta) agar mampu mempengaruhi dinamika

²³ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*, hh. 120 - 121.

²⁴ *Ibid.*

masyarakat. *Keempat*, usaha membangun kembali kebudayaan Muslim dengan cara mencari dan menyelongkari warisan gagasan kaum Muslimin.²⁵

Berkenaan dengan usaha membangun kembali kebudayaan Muslim ini, Bennabi memandang pentingnya membahas permasalahan kebudayaan. Ini kerana bagi Bennabi, kebudayaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi manusia; ia berfungsi seperti darah dalam makhluk hidup dan kebudayaanlah yang menyebabkan posisi umat Islam menurut Bennabi menjadi terkebelakang atau sebaliknya. Atas dasar ini, Bennabi mendefinisikan kebudayaan sebagai “sejumlah keseluruhan karakter etika dan nilai-nilai sosial yang diperoleh oleh individu sejak kelahirannya. Ini adalah sumber daya utama dalam lingkungan sosial di mana ia memperoleh kebiasaan-kebiasaan dan keperibadiannya”. Seterusnya, beliau mengatakan “kebudayaan dalam atmosfera sosial yang meliputi unsur-unsur luaran seperti ukuran, lagu, gerakan dan unsur dalaman seperti rasa, adat dan kebiasaan.”²⁶ Dalam konteks sosial, kebudayaan bagi Bennabi tidak lain merupakan *moral of conduct* (pedoman tindakan) yang menjadi peringkat hubungan-hubungan sosial. Dalam kaitan ini, Bennabi memandang bahawa Islam merupakan paduan budaya sekaligus suatu kriteria sehingga kebudayaan Islam adalah sesuatu yang tidak dapat diingkari.

Berkaitan dengan strategi membangun kebudayaan Islam di masa mendatang, Bennabi mengemukakan beberapa pemikiran. *Pertama*, kaum Muslimin perlu menghapus dan memurnikan kebudayaan mereka sebagai suatu langkah asas menuju arah yang benar dan berguna untuk menunjukkan peradaban. Strategi yang dipakai menghancurkan unsur-unsur negatif kebudayaan yang menyebabkan keruntuhan dan memurnikan unsur-unsur utama dan asal yang lebih aktif serta penting bagi pembaharuan. *Kedua*, usaha

²⁵ Perbandingan dengan Malik Bennabi (1979), *op.cit.*, h. 50.

²⁶ Fawzia Bariun (1988), *op.cit.*, hh. 124 - 125.

membangun kembali (merekonstruksi) kebudayaan Muslim dengan cara menggali dan mengamati khazanah kebudayaan kaum Muslimin yang asas. *Ketiga*, membangun apa yang disebut “projek kebudayaan” dengan cara mensintesis dan memperbaharui sekelompok gagasan dan konsep guna memobilisasi masyarakat. Dalam kaitan dengan pemikiran yang keempat ini, Bennabi mengajukan empat unsur penting; konstitusi moral, rasa keindahan, logika terapan, dan teknik.²⁷

Unsur pembangunan moral dan etika dalam praktikal bagi Bennabi menduduki kedudukan terpenting dalam projek kebudayaan dan kerana aktiviti peradaban melibatkan kreativiti, maka orientasi seni juga penting bagi pembaharuan kebudayaan. Di samping itu, logika terapan (berfikir secara empirik) diperlukan kerana ia membekalkan kecekapan atau keterampilan dalam setiap aspek kehidupan yang diperlukan bagi pembangunan. Selain itu, Bennabi menekankan pentingnya latihan teknik dan latihan khusus bagi kaum Muslimin bagi membangun kebudayaannya di masa mendatang. Ini kerana kemampuan teknik yang dibantu oleh logika terapan dapat memajukan perencanaan, pengurusan dan penyempurnaan kerja.

Inilah keempat unsur strategi atau projek pembangunan kebudayaan yang ditawarkan oleh Bennabi yang pada akhir dapat diharapkan akan menjadi asas-asas usaha pembangunan peradaban Islam di masa akan datang.

Kesimpulan

Berdasarkan kajiannya, Bennabi berkesimpulan bahawa cabaran kontemporari umat Islam terletak pada masalah peradaban. Yakni, peradaban yang sedang berada pada kedudukan sejarah kelemahan dan bukan sejarah kejayaan. Sementara itu, umat Islam sedang mengalami kemiskinan idea dan menghadapi satu kesulitan

²⁷*Ibid.*, hh. 125 - 128.

untuk keluar dari kedudukan tersebut. Oleh itu, tema pokok pembaharuan pemikiran Bennabi difokuskan bagi memformatkan ulang struktur peradaban Islam dengan menekankan pada kebangkitan aspek budaya manusianya. Dengan ini, beliau mengajukan apa yang beliau sebut “projek kebudayaan” atau “strategi peradaban alternatif” di mana melalui projek ini beliau berupaya membangun kesedaran peradaban Islam yang sesuai untuk hari mendatang.

Sehubungan itu, projek ini dapat dikenal beberapa kelebihan dan barangkali kelemahannya. *Pertama*, pemikiran yang diajukan itu tampak sistematis, objektif dan cukup kritis terhadap kedudukan sebenar serta budaya sendiri. Hal ini mengurangkan daya kritis dan daya serang kepada peradaban Barat lain. Cara berfikir yang sejarah atau empirik seperti ini memang dapat membantu umat Islam agar segera mengetahui kelemahan-kelemahan dan segera bangkit dari kekurangannya. Namun, perlu diingat bahawa faktor-faktor luaran yang bukan kecil sifatnya turut menyebabkan keterbelakangan umat Islam, misalnya faktor imperialisme dan superioriti Barat ke atas Dunia Islam. Akan lebih tepat lagi, misalnya jika setelah menganalisis faktor-faktor dalaman, Bennabi bersedia menghubungkannya dengan faktor luaran tersebut.

Kedua, penguasaan Bennabi ke atas sejumlah ilmu-ilmu sosial seperti sosiologi, sejarah, psikologi, filsafat dan lain-lain merupakan prestasi yang luar biasa dan menyebabkan pemikiran dan analisisnya bersifat komprehensif dan segar. Hal ini menjadikan “projek kebudayaan” atau “strategi peradaban” yang dicadangkan nampak sistematis, komprehensif dan ideal. Namun dari sudut yang lain, cadangan ini tidak mudah difahami oleh masyarakat umum sehingga mengakibatkan pemikiran itu tidak popular. Apatah lagi Bennabi sering bertentangan terhadap para penguasa atau pimpinan negara Islam, maka dukungan mereka untuk mensosialisasikan pemikiran-pemikiran itu menjadi tidak mudah, bahkan ia mendapat cacian dan sikap sinis dari beberapa kalangan. Cadangan Bennabi

agar Dunia Ketiga tidak mudah mengimport produk-produk luar negara tidak mendapat sambutan daripada para pengelola negara termasuk dari pimpinan politik negara kelahirannya sendiri iaitu Aljazair.

Ketiga, memang tepat peringatan Bennabi di atas kesalahan strategi pembaharuan yang pernah dilakukan oleh kelompok moden klasik seperti Sir Sayyid Ahmad Khan, Kamal Al-Tatturk, Ali Abdul Razik, Kasim Amin dan lain-lain yang dianggap sekadar mengimport produk sementara umat Islam sebagai pengguna yang bersikap pembaratan. Pemikiran ini walaupun mudah difahamkan tetapi pada sudut lain, ia sulit untuk diterapkan termasuk oleh Jepun sendiri yang dikatakan berjaya. Ini kerana Jepun juga mengalami masalah-masalah sosial sebagai akibat moden. Jika Jepun berhasil dalam bidang sains seperti yang boleh disaksikan sekarang ini, tentu persoalannya tidak sederhana tetapi banyak variabel penting yang mesti dihuraikan.

Persoalannya, di mana letak relevan pemikiran ini bagi kebangkitan peradaban dan kebudayaan umat Islam. Sebagai kesimpulannya, persoalan ini berada pada cara mendekati aspek-aspek umat Islam secara komprehensif dan lebih bercorak empirik. Aspek ini jarang dimiliki oleh kalangan tokoh-tokoh Islam sekalipun. Seterusnya adalah usaha Bennabi dalam membangkitkan kembali unsur-unsur asas dari kebudayaan umat Islam serta perhatiannya terhadap aspek manusia khususnya unsur gagasannya (idea) yang merupakan konsep yang tepat untuk disosialisasikan kepada kalangan umum kebelakangan ini yang telah muncul materialisme, pragmatisme serta hedonisme yang luar biasa mewarnai kehidupan harian masyarakat.